

S

SOALAN NO: 303

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING [SERDANG]
TARIKH :
SOALAN : 303

YB Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan maklumat dan statistik terkini tentang pusat-pusat komuniti kesihatan mental (Community Mental Health Centre ataupun pusat MENTARI), iaitu bilangan dan lokasi pusat MENTARI dan jumlah pesakit yang menerima rawatan di tiap-tiap pusat tersebut sejak 2011 (iaitu tahun MENTARI pertama dibina di Putrajaya) hingga sekarang. Apakah maklumat terkini tentang rumah psikiatri (psychiatric nursing home), iaitu bilangan dan lokasi rumah psikiatri dan juga jumlah pesakit yang menggunakan fasiliti di rumah psikiatri tersebut sejak 2010 hingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) mengawalselia dan melesenkan kemudahan jagaan kesihatan psikiatri swasta selaras dengan ketetapan bawah Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615] dan peraturan-peraturannya serta Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan peraturan-peraturannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 30 September 2017, Kementerian telah melesenkan sebuah pusat kesihatan mental masyarakat swasta dan telah menerima –

- (a) permohonan kelulusan menubuhkan atau menyenggarakan (Borang 1) bagi sebanyak 24 buah rumah jagaan kejururawatan psikiatri swasta dan sebuah pusat kesihatan mental masyarakat swasta; dan
- (b) permohonan lesen untuk mengendalikan atau menyediakan 3 buah rumah jagaan kejururawatan psikiatri swasta.

Namun demikian, Kementerian tidak mempunyai statistik bagi jumlah pesakit yang menggunakan kemudahan jagaan kesihatan psikiatri swasta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini terdapat 22 buah MENTARI di seluruh Malaysia yang telah diwartakan di bawah Akta Kesihatan Mental 2001 bagi menyediakan perkhidmatan kepada rakyat. Bagi tempoh 2011 hingga kini, sebanyak 14,492 pesakit telah menerima rawatan di pusat MENTARI tersebut.

Pihak Kementerian baru mewujudkan sebuah Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri (*Psychiatric Nursing Home*) di bawah pentadbiran Hospital Sungai Buloh yang telah memulakan operasi pada 1 Februari 2017. Terdapat sebanyak 8 pesakit yang telah menerima rawatan di rumah psikiatri tersebut iaitu 5 perempuan dan 3 lelaki.